

HASiL/2026/02/18 - 13

PERUBAHAN WAKTU OPERASI KAUNTER HASiL SEPANJANG BULAN RAMADAN 2026/1447H

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan ini memaklumkan perubahan waktu operasi Kaunter HASiL sepanjang bulan Ramadan bagi tahun 2026/1447H, berkuat kuasa mulai **19 Februari 2026 hingga 20 Mac 2026** adalah seperti berikut:

i. Kaunter Khidmat Rundingan / Pejabat Satelit / Kaunter Duti Setem

Lokasi Kaunter	Waktu Operasi
Semua negeri kecuali Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak	<u>Isnin – Jumaat</u> 8.30 pagi – 4.00 petang
Negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu	<u>Ahad – Rabu</u> 8.30 pagi – 4.00 petang <u>Khamis</u> 8.30 pagi – 3.00 petang
Negeri Sabah dan Sarawak	<u>Isnin – Jumaat</u> 8.00 pagi – 3.30 petang

ii. HASiL Contact Centre (HCC)

Lokasi	Waktu Operasi
HCC	<u>Isnin – Jumaat</u> 9.00 pagi – 4.00 petang

Ms | 1

iii. Pusat Pengurusan Terimaan HASiL (PPTH)

Lokasi	Perkhidmatan	Waktu Operasi
Kuala Lumpur	Tunai dan Kad Kredit / Debit	<u>Isnin – Jumaat</u> 8.30 pagi – 3.00 petang
	Bank draf	<u>Isnin – Jumaat</u> 8.30 pagi – 3.30 petang
Kuching (Bayaran Sijil Pendaftaran Nama Perniagaan Sahaja)	Tunai Sahaja	<u>Isnin – Jumaat</u> 8.00 pagi – 3.00 petang

iv. Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Tarikh Berkuat Kuasa	Kawasan	Waktu Operasi*
19 Februari 2026 – 19 Mac 2026	Semua negeri kecuali Johor, Kedah dan Kelantan	<u>Isnin – Jumaat</u> 8.00 pagi – 4.30 petang
	Negeri Johor	<u>Isnin – Khamis</u> 8.00 pagi – 4.30 petang <u>Jumaat</u> 8.00 pagi – 12.00 tengah hari
	Negeri Kedah dan Kelantan	<u>Ahad – Khamis</u> 8.00 pagi – 4.30 petang
20 Mac 2026	Semua negeri kecuali Johor, Kedah dan Kelantan	<u>Jumaat</u> 8.00 pagi – 1.00 petang

* UTC tidak beroperasi pada hujung minggu dan cuti umum Persekutuan/Negeri

** Tiada waktu rehat bagi UTC kecuali pada hari Jumaat.

*** UTC ditutup pada 21 Mac 2026 dan 22 Mac 2026 bersamaan 1 dan 2 Syawal 1447H.

Sehubungan dengan itu, HASiL menasihatkan pembayar cukai agar membuat perancangan awal serta mengatur jadual lawatan ke Kaunter HASiL berdasarkan waktu operasi yang telah ditetapkan sepanjang bulan Ramadan. Bagi memastikan kelancaran urusan percukaian, pembayar cukai juga digalakkan untuk memanfaatkan perkhidmatan dalam talian melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/> tanpa perlu hadir ke kaunter fizikal.

HASiL berharap pelaksanaan waktu operasi ini dapat memenuhi jangkaan pelanggan serta memberikan nilai tambah yang positif dalam meningkatkan tahap kepuasan dan pengalaman perkhidmatan kepada semua pembayar cukai.

HASiL turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Salam Ramadan dan selamat menunaikan ibadah puasa kepada seluruh pembayar cukai dan rakyat Malaysia yang beragama Islam.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 18 Februari 2026